NEGERI SEMBILAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 77
No. 28

**11hb Julai 2024**

*TAMBAHAN No. 4*
*ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, adalah diisytiharkan menurut Fasal (6) Perkara 70 Bahagian Kedua Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan untuk makluman umum:

The following Enactment, passed by the Legislative Assembly, Negeri Sembilan and assented to by His Royal Highness the Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, is published pursuant to Clause (6) of Article 70 of the Second Part of the Laws of the Constitution of Kerajaan Negeri Sembilan for general information:

| No. | Tajuk ringkas/Short title |
|---|---|
| Enakmen A41 | Enakmen Kawalan dan Pelesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas (Pindaan) 2024 |
| Enactment A41 | Control and Licensing of Poultry Farming and Poultry Related Activities (Amendment) Enactment 2024 |

# UNDANG-UNDANG
# NEGERI SEMBILAN

## Enakmen A41

### ENAKMEN KAWALAN DAN PELESENAN PENTERNAKAN UNGGAS DAN AKTIVITI BERKAITAN PENTERNAKAN UNGGAS (PINDAAN) 2024

Tarikh Perkenan Diraja ... ... 14 Jun 2024

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 11 Julai 2024

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

**UNDANG-UNDANG NEGERI SEMBILAN**

**Enakmen A41**

# ENAKMEN KAWALAN DAN PELESENAN PENTERNAKAN UNGGAS DAN AKTIVITI BERKAITAN PENTERNAKAN UNGGAS (PINDAAN) 2024

Sebagai Tanda Perkenan dan Persetujuan Kami dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin

TUANKU MUHRIZ IBNI
ALMARHUM TUANKU MUNAWIR
*Yang di-Pertuan Besar*
*Negeri Sembilan*

14 Jun 2024

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kawalan dan Pelesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas 1996.

[ ]

**DIKANUNKAN** oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin, dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negeri seperti yang berikut:

## Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

**1.** (1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Kawalan dan Pelesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas (Pindaan) 2024.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan am**

**2.** Enakmen Kawalan dan Pelesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas 1996 [*Enakmen No. 7 tahun 1996*], yang disebut "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini, dalam teks bahasa kebangsaan dipinda dengan menggantikan perkataan "fee" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "fi".

**Pindaan seksyen 2**

**3.** Seksyen 2 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perkataan "aktiviti berkaitan unggas" dengan perkataan "aktiviti berkaitan penternakan unggas";

*(b)* dengan memasukkan selepas takrif "aktiviti berkaitan penternakan unggas" takrif yang berikut:

' "bahan biologik veterinar" ertinya serum, toksin dan hormon daripada sumber asli atau sintetik, termasuk juga organisma ubahsuaian genetik, kit diagnosis, anti-toksin, vaksin, mikroorganisma hidup atau mati, antigen atau komponen imunisasi mikroorganisma atau sebahagian protein, sel atau molekul yang berasal daripada haiwan yang digunakan untuk tujuan diagnosis, rawatan, pencegahan penyakit atau penyelidikan haiwan;';

"bahan kimia dan residu" ertinya bahan atau sebatian fizikal yang bukan dari agen mikro organisma tetapi adalah bahan atau sebatian yang mengandungi sama ada *drug* veterinar, hormon tumbesaran, mikotosin, insektisid, herbisid, logam berat, pestisid atau lain-lain bahan luaran yang bersifat merbahaya pada kesihatan haiwan dan manusia;';

"debu" ertinya habuk yang halus termasuk bulu, sisa makanan dan lain-lain yang berpunca dari ladang unggas;';

*(c)* dengan memasukkan selepas takrif "fi yang ditetapkan" takrif yang berikut:

' "loji" ertinya mana-mana premis di mana pemprosesan unggas dijalankan;';

*(d)* dalam takrif "ladang unggas", dengan memasukkan selepas perkataan "berkaitan penternakan unggas" dengan perkataan "berkapasiti 1,000 ekor dan ke atas";';

*(e)* dengan memasukkan selepas takrif "lesen" takrif yang berikut:

' "mana-mana orang" ertinya individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti berkaitan penternakan unggas;';

*(f)* dengan menggantikan perkataan "memproses unggas" dengan perkataan "pemprosesan unggas";

*(g)* dengan memasukkan selepas takrif "perladangan unggas" takrif yang berikut:

' "Pihak Berkuasa Negeri" ertinya Pihak Berkuasa Negeri, Negeri Sembilan;';

*(h)* dengan menggantikan perkataan "produk sampingan daging unggas" dengan perkataan "produk tambah nilai";

*(i)* dengan memasukkan selepas takrif "produk tambah nilai" takrif yang berikut:

' "racun" ertinya seperti yang dinyatakan di dalam Akta Racun 1952 [*Akta 366*];';

*(j)* dengan menggantikan takrif "rumah kediaman" takrif yang berikut:

' "rumah kediaman" ertinya suatu kelompok rumah yang tidak kurang daripada lima buah rumah yang berpenghuni tetapi tidak termasuk rumah yang disediakan dalam ladang ternakan unggas dan rumah setinggan;';

*(k)* dalam takrif "sisa unggas" dengan menggantikan butiran (*b*) seperti yang berikut:

"*(b)* sisa makanan, kulit telur dan telur rosak;";

*(l)* dengan memasukkan selepas takrif "unggas pembiak" takrif seperti berikut:

' "ubat" ertinya apa-apa bahan atau campuran yang digunakan secara dalaman atau luaran bagi maksud rawatan, profilaktik atau penggalak pertumbuhan atau bagi maksud mengubahsuaikan fungsi fisiologi atau tingkah laku unggas; dan

"vaksin" ertinya seperti yang dinyatakan di dalam Akta Binatang 1953 [*Akta 647*].'.

**Pindaan seksyen 3**

**4.** Seksyen 3 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi maksud Enakmen ini, Pengarah boleh secara bertulis melantik seorang pegawai diberikuasa sebagai pegawai pelesen.".

**Pindaan seksyen 4**

**5.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

"Pegawai diberikuasa boleh meminta bantuan.

**4.** (1) Seseorang pegawai diberikuasa boleh selepas memperkenalkan dirinya dengan munasabah, meminta bantuan daripada mana-mana orang awam dalam menjalankan fungsinya di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana orang yang enggan memberikan bantuan apabila diminta untuk berbuat demikian oleh seorang pegawai diberikuasa adalah melakukan kesalahan.”.

**Pindaan seksyen 5**

**6.** Seksyen 5 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “menyenggara pendaftaran” dengan perkataan “menyelenggara maklumat pendaftaran”; dan

*(b)* dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “menyenggara” dengan perkataan “menyelenggara” dan perkataan “disenggara” dengan perkataan “diselenggara” dalam teks bahasa kebangsaan.

**Seksyen baharu 5A**

**7.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

“Pegawai pelesen boleh mengeluarkan sebarang arahan kepada pemegang lesen.

**5A.** (1) Pegawai pelesen boleh mengeluarkan sebarang arahan bertulis yang dirasakan munasabah bagi menjalankan tugasnya kepada pemegang lesen.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi arahan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan kesalahan.”.

**Pindaan seksyen 7**

**8.** Seksyen 7 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan subperenggan (2)(*a*)(iii) dengan subperenggan yang berikut:

"(iii) lokasi tempat yang menunjukkan jarak dengan garisan lurus mana-mana rumah kediaman, sekolah atau tempat ibadat, yang sedia ada semasa permohonan dibuat yang berada dalam lingkungan dua ratus meter dari mana-mana reban yang akan digunakan bagi penternakan unggas."; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(4) Subseksyen (2)(*a*)(iii) tidak terpakai bagi loji pemprosesan unggas, loji penyembelihan dan pusat penetasan yang berada dalam zon industri.".

**Pindaan seksyen 8**

**9.** Seksyen 8 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Pegawai pelesen boleh menolak lesen." dengan "Kelulusan atau penolakan lesen.";

*(b)* dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Pegawai pelesen boleh atau enggan mengeluarkan lesen atas syarat-syarat yang difikirkan patut bagi maksud Enakmen ini."; dan

*(c)* dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Pegawai pelesen boleh enggan mengeluarkan lesen jika dia berpuas hati bahawa—

*(a)* ladang unggas itu berkemungkinan akan menyebabkan kesalahan di bawah seksyen 16, 17 dan 18 atau apa-apa faktor lain yang mungkin menjejaskan kesihatan dan ketenteraman awam dalam lingkungan kawasan dua ratus meter daripada mana-mana reban unggas di ladang itu atau bahawa kawasan itu telah dizonkan untuk pembangunan; atau

*(b)* permohonan tidak mematuhi seksyen 7.".

**Pindaan seksyen 12**

**10.** Seksyen 12 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "dan menunjukkan" dengan perkataan "atau mengemukakan"; dan

*(b)* dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "menunjukkan," dengan perkataan "mengemukakan,".

**Pindaan seksyen 13**

**11.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut—

"Penggantungan atau pembatalan lesen.

**13.** (1) Pengarah boleh menggantung sesuatu lesen jika dia berpuas hati dan mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk tambah nilai daripada sesuatu ladang unggas boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam.

(2) Jika lesen sesuatu ladang unggas telah digantung di bawah subseksyen (1), Pengarah boleh mengeluarkan perintah—

*(a)* melarang mana-mana unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk tambah nilai dibawa keluar dari ladang itu dan perintah itu boleh berkuat kuasa sehingga pemeriksaan atau keputusan dibuat; atau

*(b)* melupuskan unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk tambah nilai mengikut cara yang dia berpuas hati tidak akan menimbulkan apa-apa bahaya kepada kesihatan awam.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Pegawai Pelesen boleh membatalkan suatu lesen—

*(a)* jika dia mendapati, selepas permohonan itu, pemegang lesen telah memberi maklumat palsu atau membuat pengakuan palsu pada masa permohonan dibuat di bawah seksyen 7;

*(b)* jika dia berpuashati bahawa pemegang lesen telah secara berterusan atau kerapkali melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini atau melanggar syarat-syarat lesen; atau

*(c)* jika pemegang lesen telah didapati bersalah melakukan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini.".

**Pindaan seksyen 14**

**12.** Seksyen 14 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (2) dengan memotong perkataan "seolah-olah ia adalah permohonan lesen baru di bawah Enakmen ini.";

*(b)* dalam subseksyen (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan "dilayan" dengan perkataan "diproses"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi" dengan perkataan "sebanyak";

*(c)* dalam perenggan (4)(*b*), dengan mengganti perkataan "berterusan melakukan atau" dengan perkataan "melanggar atau berterusan"; dan

*(d)* dengan memotong perenggan "(4)(*c*)".

**Pindaan seksyen 15**

**13.** Seksyen 15 Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan "seolah-olah dia adalah pemegang lesen asal".

**Pindaan seksyen 17**

**14.** Seksyen 17 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "bau busuk atau tidak enak" dengan perkataan "debu atau bau busuk";

*(b)* dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah atau usaha-usaha tertentu bagi mencegah—

*(a)* pelepasan atau pengeluaran bau busuk dari ladang unggasnya; atau

*(b)* pelepasan atau pengeluaran debu dari ladang unggasnya, yang mungkin menyebabkan kacau ganggu atau bahaya kepada kesihatan awam atau kemudaratan kepada harta awam.";

*(c)* dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Jika Pengarah menerima sebarang aduan dari mana-mana orang atau badan bahawa sesuatu ladang unggas itu melepaskan atau mengeluarkan bau busuk atau yang mungkin menyebabkan kacau ganggu kepada awam, Pengarah hendaklah mengarahkan suatu siasatan dibuat mengenai aduan tersebut."; dan

*(d)* dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "menyebabkan" dengan perkataan "mengarahkan".

**Pindaan seksyen 18**

**15.** Seksyen 18 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Kesalahan membenarkan pembiakan lalat, serangga dan makhlok perosak" dengan "kesalahan membenarkan kawasan pembiakan lalat dan makhluk perosak";

*(b)* dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "menyenggara" dengan perkataan "menyelenggara" dalam teks bahasa kebangsaan; dan

(ii) dengan memotong perkataan "serangga"; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.".

**Seksyen baharu 18A**

**16.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

"Kesalahan penggunaan ubat, bahan biologik veterinar vaksin, racun dan bahan kimia terlarang atau penyalahgunaan ubat, bahan biologik veterinar, vaksin, racun dan bahan kimia.

**18A.** (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengambil apa-apa langkah untuk mencegah ladang unggasnya—

*(a)* menggunakan apa-apa ubat, vaksin, bahan biologik veterinar racun dan bahan kimia yang dilarang di bawah Akta Racun 1952 [*Akta 366*], Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Akta Makanan Haiwan 2009 [*Akta 698*] atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya; atau

(*b*) menggunakan apa-apa ubat, bahan biologik veterinar vaksin, racun dan bahan kimia dengan cara penggunaan yang salah dan berlebihan serta tidak mematuhi tempoh penarikan yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam, sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Racun 1952 [*Akta 366*], Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Akta Makanan Haiwan 2009 [*Akta 698*] atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang dengan sengaja atau tidak sengaja membenarkan atau menyebabkan dibenarkan ladang unggasnya berada dalam keadaan yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Pengarah, jika atas pemeriksaan berpuas hati bahawa pemegang lesen telah melanggar seksyen ini, hendaklah mengambil tindakan di bawah subseksyen 13(1).”.

**Pindaan seksyen 20**

**17.** Seksyen 20 Enakmen ibu dipinda dalam nota birai dengan menggantikan perkataan “Halangan menyalahi undang-undang adalah suatu kesalahan” dengan perkataan “Menghalang pegawai menjalankan tugas”.

**Pindaan seksyen 23**

**18.** Subseksyen 23(2) Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan “18”.

**Pindaan seksyen 24**

**19.** Seksyen 24 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan subseksyen 24(1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Pengarah boleh mengarahkan pegawai yang diberi kuasa, dengan atau tanpa bantuan mana-mana orang (termasuk pegawai polis), memasuki mana-mana ladang unggas jika dia mendapati—

*(a)* bahawa ladang unggas itu tidak mempunyai lesen; atau

*(b)* bahawa mana-mana orang, berhubungan dengan ladang unggas itu, telah dikeluarkan arahan di bawah seksyen 17(7) dan orang itu gagal mematuhi arahan tersebut; dan

*(c)* sekiranya mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan di bawah perenggan *(a)* atau *(b)*, pegawai pelesen boleh menyita dan merampas semua unggas yang terdapat di atasnya."

*(b)* dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan "dalam meroboh dan mengalih struktur-struktur, dan bangunan di ladang unggas itu".

**Pindaan seksyen 26**

**20.** Seksyen 26 Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan "selain daripada suatu badan korporat, termasuk mana-mana pengarah atau pegawai badan perbadanan".

**Pindaan seksyen 28**

**21.** Subseksyen 28(5) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Sijil" dengan perkataan "Lesen".

**Pindaan seksyen 29**

**22.** Seksyen 29 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Pengarah boleh, dengan izin bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 19 dan 20."; dan

*(b)* dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "Dalam mana-mana kes yang lain," dengan perkataan "Dalam mana-mana kesalahan di bawah seksyen 19 dan 20,".

**Pindaan seksyen 30**

**23.** Seksyen 30 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perkataan "mengsahkan" dengan perkataan "mengesahkan" dalam teks bahasa kebangsaan; dan

*(b)* dengan memotong perkataan "itu berkenaan dengan permit, kebenaran atau kelulusan itu".

Diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 9 Mei 2024.

MOHD AMIN BIN LUDIN
*Setiausaha*
*Dewan Undangan Negeri*
*Negeri Sembilan*

# LAWS OF THE STATE OF NEGERI SEMBILAN

## Enactment A41

### CONTROL AND LICENSING OF POULTRY FARMING AND POULTRY RELATED ACTIVITIES (AMENDMENT) ENACTMENT 2024

| | | |
|---|---|---|
| Date of Royal Assent | … … | 14 June 2024 |
| Date of publication in the *Gazette* | … | 11 July 2024 |

**Publisher's Copyright ©**
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Appointed Printer to the Government of Malaysia)**.

**LAWS OF THE STATE OF NEGERI SEMBILAN**

**Enactment A41**

# CONTROL AND LICENSING OF POULTRY FARMING AND POULTY RELATED ACTIVITIES (AMENDMENT) ENACTMENT 2024

In Token of My Assent and Concurrence of the Ruling Chiefs

TUANKU MUHRIZ IBNI
ALMARHUM TUANKU MUNAWIR
*Yang di-Pertuan Besar*
*Negeri Sembilan*

14 June 2024

An Enactment to amend the Control and Licensing of Poultry Farming and Poultry Related Activities Enactment 1996.

[ ]

**ENACTED** by His Highness and the Ruling Chiefs of Negeri Sembilan with the advice and consent of the Legislative Assembly as follows:

## Citation and commencement

**1.** (1) This Enactment may be cited as the Control and Licensing of Poultry Farming and Poultry Related Activities (Amendment) Enactment 2024.

(2) This Enactment shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**General amendment**

**2.** Control and Licensing of Poultry Farming and Poultry Related Activities Enactment 1996 [*Enactment No. 7 of 1996*] as stated as "principal Enactment" in this Enactment, is amended by substituting for the word "fee" wherever appearing in the national language text the word "fi".

**Amendment of section 2**

**3.** Section 2 of the principal Enactment is amended—

*(a)* by substituting for the words "poultry related activity" the words "poultry farming related activity";

*(b)* by inserting after the definition of "poultry farming related activity" the following definition:

‘ "Veterinary biologics" means serums, toxins and hormones from natural substances or synthetics, including genetic modified organisms, diagnostic kits, antitoxins, vaccines, live microorganisms or inactivated antigen or immunization microorganism component or protein parts, cells or molecules originated from animal for diagnostic purposes, treatment, disease prevention or animal research;’;

‘ "chemical substances and residues" means any substances or physical compound which not from microorganism agent but substances or compound containing whether veterinary drugs, growth hormone, mycotoxin, insecticide, herbicide, heavy metal, pesticide or any outside materials which harmful to human and animal;’;

‘ "dust" means finely powdered including feather, feed waste and anything came from poultry farm;’;

*(c)* by inserting after the definition of "prescribed fee" the following definition:

‘ "Processing plant" means any premises used for poultry processing;’;

*(d)* in the definition of "poultry farm", by inserting after the words "poultry farming related activities" the words "with capacity of 1000 birds and above";';

*(e)* by inserting after the definition of "license" the following definition:

' "any person" means individuals directly or indirectly related to poultry farming activities;';

*(f)* by substituting for the words "*memproses unggas*" the words "*pemprosesan unggas*" in the national language text;

*(g)* by inserting after the definition of "poultry farming" the following definition:

' "State Authority" means the State Authority of Negeri Sembilan;';

*(h)* by substituting for the words "poultry meat by-product" with the words "value added product";';

*(i)* by inserting after the definition of "value added product" the following definition:

' "poison" shall carry the same meaning as stated in Poison Act 1952 [*Act 366*];';

*(j)* by substituting the definition of "dwelling house" the following definition:

' "dwelling house" means a cluster of houses not less than five in number with occupants but excluding houses provide on a poultry farm and squatters;';

*(k)* in the definition of "poultry waste" by substituting item (*b*) the following definition:

"*(b)* wasted feed, egg shells and spoiled eggs;";

*(l)* by inserting after the definition of "breeding poultry" the following defenition:

‘ "drugs" means any substances or mixer which is used internally or externally for treatment, prophylactic or growth promotants physiological function or; behavior of a poultry; and

"vaccines" shall carry the same meaning as stated in Animal Act 1953 [*Act 647]*.’.

**Amendment of section 3**

**4.** Section 3 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (2) the following subsection:

"(3) For the purpose of this Enactment, the Director may appoint in writing an authorized officer as a licensing officer."

**Amendment of section 4**

**5.** The principal Enactment is amended by substituting for section 4 the following section:

"Authorized officer may request for assistance.

**4.** (1) In carrying out his function under this Enactment, any authorized officer shall reasonably introduce himself and request for assistance from any member of the public.

(2) Any person who refuses to render such assistance when requested to do so by an authorized officer shall be guilty of an offence.".

**Amendment of section 5**

**6.** Section 5 of the principal Enactment is amended—

*(a)* in the marginal note, by substituting for the words "maintaining register" with the words "maintaining register information"; and

*(b)* in subsection (1), by substituting for the words "*menyenggara*" the word "*menyelenggara*" and for the word "*disenggara*" the word "*diselenggara*" in the national language text.

**New section 5A**

**7.** The principal Enactment is amended by inserting after section 5 the following section:

"A licensing officer may issue any written order to a licensee

**5A.** (1) A licensing officer may issue any written order which he thinks relevant to carry out his duty to a licensee.

(2) Any licensee who fails to comply with the order under subsection (1) commits and offence.".

**Amendment of section 7**

**8.** Section 7 of the principal Enactment is amended—

*(a)* by substituting subparagraph (2)(*a*)(iii) the following subparagraph:

"(iii) the site location showing the distance in a straight line of any dwelling house, school or place of worship, existing at the time of the application within the vicinity of two hundred meters from any farm buildings used for poultry farming:"; and

*(b)* by inserting after subsection (3) the following subsection:

"(4) Subparagraph (2)(*a*)(iii) shall not apply for any poultry processing plant, slaughtering plant and hatchery which is located in industrial zone.".

**Amendment of section 8**

**9.** Section 8 of the principal Enactment is amended—

*(a)* in the marginal note, by substituting the words "Licensing officer may refuse licence" with the words "Approval or refusal of licence.";

*(b)* by substituting subsection (1) the following subsection:

"(1) A licensing officer may approve or refuse to issue a license with conditions that the officer thinks fit for the purpose of this Enactment."; and

*(c)* by substituting subsection (2) the following subsection:

"(2) A licensing officer may refuse to issue a licence if he is satisfied—

*(a)* that the poultry farm may cause violation under section 16, 17 and 18 or any other factors which may cause health hazard and disturbance to the public within two hundred meters range from any poultry farm house or the area has been zoned for development; or

*(b)* that the application does not comply with section 7.".

**Amendment of section 12**

**10.** Section 12 of the principal Enactment is amended—

*(a)* in the marginal note, by substituting for the words "and production" with the words "or present."; and

*(b)* in subsection (2), by substituting for the word "produce" the words "present".

**Amendment of section 13**

**11.** The principal Enactment is amended by substituting for section 13 the following section—

"Suspension or revocation of licence.

**13.** (1) The Director may suspend a licence if he is satisfied and have reasonable cause to believe that any poultry, poultry carcass, poultry waste or value added product from any poultry farm may cause health hazard to the public.

(2) Where the licence for any poultry farm has been suspended under subsection (1), the Director may issue an order—

*(a)* to prohibit any poultry, poultry carcass, poultry waste or value added product from being brought out of the farm and the order may come into force until examination or decision has been made; or

*(b)* to dispose poultry, poultry carcass, poultry waste or value added product in a manner that he is satisfied that it will not cause any health hazard to the public.

(3) Any person who fails to comply with any order under subsection (2) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding one year or both.

(4) A licensing officer may revoke a licence—

*(a)* if he discovers, after the application, the licensee had provided false information or declaration during the application under section 7;

*(b)* if he is satisfied the licensee had continuously or frequently committed an offence under this Enactment or breached the regulation of the licence; or

*(c)* if the licensee has been found guilty and convicted of any offences under this Enactment.".

**Amendment of section 14**

**12.** Section 14 of the principal Enactment is amended—

*(a)* in subsection (2), by deleting the words "as if it is an application for a new license under this Enactment.";

*(b)* in subsection (3)—

(i) by substituting for the word “entertained” the word “processed”; and

(ii) by substituting for the word “not exceeding ” with the word “for”;

*(c)* in paragraph (4)*(b)*, by substituting for the words “continuously committed or” the words “commits or continuously”; and

*(d)* by deleting paragraph “(4)*(c)*”.

**Amendment of section 15**

**13.** Section 15 of the principal Enactment is amended by deleting the words “as if he is the original licensee.”.

**Amendment of section 17**

**14.** Section 17 of the principal Enactment is amended—

*(a)* in the marginal note, by substituting for the words “obnoxious or offensive odours” with the words “dust and obnoxious odours”;

*(b)* by substituting subsection (1) the following subsection:

“(1) A licensee shall take steps or certain efforts to prevent—

*(a)* the discharge or emission of obnoxious odours from his poultry farms; or

*(b)* the discharge or emission of dust from his poultry farms, which is likely to cause nuisance or health hazard to the public or damage to public properties.”;

*(c)* by substituting subsection (2) the following subsection:

"(2) If the Director receives any complaint from any person or body that a poultry farm is discharging or emitting odors or likely to cause nuisance to the public, the Director shall order an investigation to be made into the complaint."; and

*(d)* in subsection (3), by substituting for the word "cause" the word "order".

**Amendment of section 18**

**15.** Section 18 of the principal Enactment is amended—

*(a)* in the marginal note, by substituting the words "offence to allow breeding of flies, insects and pests" with the words "offences to allow breeding area of flies and pests";

*(b)* in subsection (1)—

(i) by substituting the word "*menyenggara*" with the word "*menyelenggara*" in the national language text; and

(ii) by deleting the word "insects"; and

*(c)* by inserting after subsection (2) the following subsection:

"(3) Any licensee who contravenes subsection (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.".

**New section 18A**

**16.** The principal Enactment is amended by inserting after section 18 the following section:

"Offence of using prohibited drugs, veterinary biologics, vaccines, poisons and chemical substances or misuse of drugs, vaccines, poisons and chemical substances.

**18A**. (1) A licensee shall take such measures to prevent his poultry farms from—

*(a)* using any drugs, vaccines, veterinary biologics, poisons and chemical substances which has been prohibited, under Poison Act 1952 [*Act 366*], Food Act 1983 [*Act 281*], Feed Act 2009 [*Act 698*] or any subsidiary legislation made thereunder; or

*(b)* using any drugs, vaccines, poisons and chemical substances in improper way and overdose while not committing to withdrawal period which may cause hazard to public health, under Poison Act 1952 [*Act 366*], Food Act 1983 [*Act 281*], Feed Act 2009 [*Act 698*] or any subsidiary legislation made thereunder.

(2) A licensee who either intentionally or unintentionally, permits or cause to be permitted his poultry farm to be in such on conditions so as to contravene subsection (1) commits an offence.

(3) The Director, if upon inspection is satisfied that a licensee has contravened this section, shall take such action under subsection 13(1).".

**Amendment of section 20**

**17.** Section 20 of the principal Enactment is amended in the marginal note by substituting for the words "Unlawful obstruction is an offence" the words "Obstructing officers in discharge of his public functions duties.".

**Amendment of section 23**

**18.** Section 23(2) of the principal Enactment is amended by deleting the word "18".

**Amendment of section 24**

**19.** Section 24 of the principal Enactment is amended—

*(a)* by substituting for subsection 24(1) the following subsection:

"(1) The Director may order an authorized officer, with or without the assistance of any other person (including a police officer), to enter any poultry farm if he finds—

*(a)* that the poultry farm does not have a license; or

*(b)* that any person, in relation the poultry farm, has been served with an order under section 17(7) and that person fails to comply with the said order; and

*(c)* If any person is found to commit the offences as in paragraph *(a)* or *(b)*, the authorized officer may seize and confiscate all the poultry found thereon."

*(b)* in subsection (2), by deleting the words "in the demolition and removal of the farm buildings and structures,".

**Amendment of section 26**

**20.** Section 26 of the principal Enactment is amended by deleting the words "other than a body corporate, including any director or officer of the body corporate";

**Amendment of section 28**

**21.** Subsection 28(5) of the principal Enactment is amended by substituting for the word "Certificate" the word "Licence".

**Amendment of section 29**

**22.** Section 29 of the principal Enactment is amended—

*(a)* by substituting for subsection (1) the following subsection:

"(1) The Director may, with the written consent from the Public Prosecutor, compound any offence under this Enactment except for offences under sections 19 and 20."; and

*(b)* in subsection (4) by substituting the words "In any other case" with the words "In any offences under sections 19 and 20,".

**Amendment of section 30**

**23.** Section 30 of the principal Enactment is amended—

*(a)* by substituting the word "*mengsahkan*" with the word "*mengesahkan*" in the national language text; and

*(b)* by deleting the words "in respect of such permit, consent or approval".

Passed in the State Legislative Assembly on 9 May 2024.

MOHD AMIN BIN LUDIN
*Clerk of the Legislative Assembly*
*Negeri Sembilan*

PNMB
Trusted Secure Professional

**DICETAK OLEH**
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
**KUALA LUMPUR**
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-9236 6888
**BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA**
WJW24/0611 11-07-2024